

**SOALAN NO. 480****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN NEGARA****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan kadar penceraian terkini dalam negara dan cadangan  
penyelesaiannya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Pengukuran asas dalam melaporkan kadar penceraian adalah melalui **Kadar Perceraian Kasar (*Crude Divorce Rate*)**. Kadar Perceraian Kasar adalah hasil bagi antara bilangan penceraian yang didaftarkan pada sesuatu tahun dan jumlah keseluruhan penduduk dimana nilainya akan ditafsirkan sebagai jumlah kadar penceraian yang berlaku bagi setiap 1,000 orang penduduk pada satu-satu tahun. Pada tahun 2000, negara mencatatkan nilai Kadar Perceraian Kasar pada paras 0.6 perceraian bagi setiap 1,000 orang. Angka ini **didapati telah meningkat** kepada 1.8 perceraian pada tahun 2010 dan terus meningkat kepada 2.3 perceraian perceraian bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 2015.

**Tempoh 5 Tahun Pertama Perkahwinan Adalah Paling Mencabar**

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) pada

tahun 2014 mendapati kebanyakkan tempoh perkahwinan pertama yang berakhir dengan penceraian atau perpisahan adalah dalam tempoh 5 tahun ke bawah. Terdapat beberapa punca utama penceraian atau perpisahan yang berlaku dalam kalangan lelaki dan wanita yang pernah berkahwin bagi perkahwinan pertama di seluruh Malaysia. Antara punca-punca utama berlakunya penceraian dalam kalangan lelaki ialah tiada persefahaman (56.2%), isteri curang (11.8%), dan campur tangan mentua atau ipar-duai (10.0%). Manakala bagi wanita pula, sebanyak 38.0 peratus wanita menyatakan punca penceraian atau perpisahan yang berlaku adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang iaitu sebanyak 20.5 peratus dan suami tidak bertanggungjawab sebanyak 15.2 peratus.

**Tuan yang Di Pertua,**

**Cadangan Dalam Menangani Kes Penceraian**

Menyedari akan hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui LPPKN sedang merangka cadangan dan pelan tindakan bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia. Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan yang diselia oleh Unit Kaunseling di pejabat LPPKN seluruh negeri telah ditambah baik dari segi modul dan penambahan bilangan kaunselor serta panel bertauliah.

Selain itu, Program Pra Perkahwinan atau SMARTSTART yang dilaksanakan bertujuan untuk memberi Pendidikan Kekeluargaan kepada pasangan yang berkahwin kurang daripada lima (5) tahun dan juga individu atau pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga telah ditambahbaik. Dalam masa yang sama juga, Portal Keluarga LPPKN yang mengandungi modul-modul dan perkhidmatan yang boleh didapati terus dan dipelajari secara atas talian juga sedang giat dalam fasa pembangunan dan diangka siap pada penghujung tahun 2019.

KPWKM melalui LPPKN juga telah melaksanakan program pengukuhan institusi keluarga dan komuniti iaitu Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti atau singkatannya FACE (*Family and Community Empowerment*). FACE lahir hasil kerjasama secara Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama pelbagai Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan penduduk di komuniti. Sehingga kini, 18 komuniti telah dipilih di seluruh Malaysia dengan pelbagai program intervensi telah dan akan dijalankan berasaskan bidang Indeks Kesejahteraan Keluarga. Justeru itu, dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh LPPKN ini diharap dapat meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian institusi keluarga, terutamanya berkaitan hubungan suami isteri dan seterusnya membantu

mengurangkan kadar penceraian di Malaysia.

Disamping itu, pihak kementerian telah menambahbaik pindaan Rang Undang-Undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan 2017) dengan penambahbaikan seperti Perintah Perlindungan Kecemasan dan Program Pemulihan bagi mencegah keganasan berulang yang mengundang peningkatan penceraian. Program pemulihan yang disediakan adalah kaunseling individu, kaunseling perkahwinan, kaunseling keluarga, kaunseling krisis/trauma, psikoterapi, psikopendidikan, Parenting@Work dan SMARTBelanja@LPPKN kepada pelaku dengan perintah pelindungan dari mahkamah. Kementerian juga terus bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk menjayakan Pelan Tindakan Keluarga Sakinah melalui program dan aktiviti yang mensejahterakan keluarga.